

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tidak munasabah bina hospital di Semenyih

Oleh **HAKIMI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 FEB.

KEMENTERIAN Kesihatan belum melihat sebarang keperluan bagi pembinaan hospital di Semenyih, Selangor dan tiada sebarang perbincangan dilakukan untuk menyediakan kemudahan berkenaan di kawasan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, cadangan calon Pakatan Harapan (PH) untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, Muhammad Aiman Zainali supaya sebuah hospital dibina di kawasan itu perlu lebih munasabah.

"Siapa pun boleh buat janji, tapi kami mengharapkan janji-janji itu lebih munasabah ke-

rana pembinaan hospital bukan macam pembinaan mana-mana premis. Pada saya adalah lebih wajar kalau kita bercakap mengenai klinik kesihatan di situ.

"Dia (Muhammad Aiman) boleh mengesyorkan tapi pada akhirnya Kementerian yang akan memastikan dari segi keperluan, syarat-syarat kepadatan penduduk dan sebagainya. Tetapi kita boleh dengar pandangannya," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Muhammad Aiman semalam yang merancang untuk memperjuangkan isu kemudahan untuk penduduk di Semenyih termasuklah pembinaan sebuah

hospital jika dipilih sebagai wakil rakyat.

Muhammad Aiman berkata, ramai penduduk memberi maklum balas mengenai keperluan sebuah hospital di DUN berkenaan kerana kawasan itu hanya memiliki beberapa klinik kesihatan dan terpaksa berkongsi kemudahan di Hospital Kajang yang terlalu sesak.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai sebuah hospital swasta di Sungai Petani, Kedah yang dikaitkan dengan iklan tawaran biasiswa bagi pelajar kejururawatan yang bersifat perkauman, Dzulkefly berkata, perkara itu dianggap selesai selepas hospital berkenaan memohon maaf.



DZULKEFLY AHMAD